Sinama a/p Ramasamy lwn Tetuan Blanche & Kayveas

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — GUAMAN SIVIL NO 22–01 TAHUN 2004
ABD HALIM AMAN PK
9 FEBRUARY 2006

Acara Sivil — Penghakiman terus — Tuntutan kerana pelanggaran kewajipan berjaga-jaga dan kecuaian terhadap firma guaman — Tuntutan ganti rugi atas 'gross negligence' defendan terhadap firma guaman — Notis rayuan yang difailkan diputuskan sebagai defektif — Sama ada ia satu kes untuk perbicaraan penuh

Ini merupakan rayuan yang telah dikemukakan oleh pihak perayu/plaintif terhadap keputusan yang telah dicapai oleh penolong kanan pendaftar pada tarikh 29 September 2005 yang mana di dalam keputusannya telah menolak dengan kos permohonan bagi mendapat satu perintah penghakiman terus. Dalam tindakan ini, pihak plaintif telah menuntut ganti rugi di atas kerugian (gross-negligence) defendan kerana telah menamakan Peggy Mavis Moreira sebagai perayu pertama di dalam tindakan rayuan ke mahkamah rayuan di atas keputusan mahkamah tinggi Ipoh. Akibat daripada itu, kes telah dibatalkan disebabkan yang notis rayuan itu diputuskan sebagai 'defective' oleh mahkamah dan ini telah menyebabkan pihak plaintif telah gagal di dalam tuntutan balas hak milik kepada hartanah-hartanah tersebut. Pihak plaintif telah menghujahkan bahawa permohonan bagi penghakiman terus ini patut dibenarkan oleh kerana terdapatnya kecuaian defendan semasa memfailkan notis rayuan di atas nama Peggy dan Sinama a/p Ramasamy walaupun defendan dikatakan tidak pada bila-bila masa dilantik oleh Peggy untuk memfailkan notis rayuan tersebut. plaintif merujuk kepada alasan penghakiman bertulis mahkamah rayuan yang menyatakan bahawa alasan rayuan ditolak adalah kerana notis rayuan adalah defektif. Pihak defendan pula menyatakan bahawa Peggy telah pada awalnya bersetuju untuk dinamakan dan juga bersetuju untuk memfailkan rayuan ke mahkamah rayuan. Hanya setelah notis rayuan difailkan, Peggy dikatakan menukar fikirannya. Oleh yang demikian, defendan telah memfailkan notis usul untuk meminda notis rayuan pada 23 Mac 1998 untuk mengeluarkan nama Peggy sebagai pihak dalam tindakan rayuan tersebut. Namun, belum pun sempat permohonan diputuskan, mahkamah telah membatalkan rayuan di atas alasan rayuan yang difailkan itu tidak mendapat persetujuan daripada Peggy.

Diputuskan, menolak tuntutan tersebut:

(1) Tuntutan oleh plaintif dalam tindakan ini untuk ganti rugi atas 'gross negligence' defendan tidak wajar diputuskan hanya melalui permohonan penghakiman terus. Ini kerana segala autoriti yang dikemukakan tidak menunjukkan dengan jelas bahawa tindakan defendan memasukkan nama Peggy Mavis Moreira tersebut adalah satu perbuatan 'gross negligence'.

Seperti benar yang dihujahkan oleh pihak defendan, iaitu sama ada seorang peguamcara bertanggungan kecuaian profesional yang terlampau bergantung kepada keadaan sesuatu kes. Itu adalah sesuatu penentuan soalan fakta yang mana ianya hanya boleh ditentukan melalui keterangan saksi-saksi secara lisan di mahkamah terbuka (lihat perenggan 9).

(2) Dalam penghakiman bertulis dari mahkamah rayuan tersebut juga tidak menyatakan bahawa tindakan defendan memfailkan notis rayuan tersebut adalah suatu perbuatan 'gross negligence' seperti yang didakwa oleh plaintif. Apa yang dinyatakan cuma rayuan dibatalkan kerana notis rayuan yang difailkan adalah 'defective'. Dan ianya diputuskan bersandarkan soal 'technicalities' dengan tanpa menyentuh dari segi merit kes. Tambahan lagi, ganti rugi yang dituntut oleh plaintif adalah sesuatu yang tidak dapat ditentukan. Ini kerana walaupun rayuan diteruskan, keputusan di atas rayuan tersebut belum pastinya berpihak kepada plaintif. Maka adalah tidak munasabah untuk plaintif menyatakan bahawa beliau mengalami kerugian khas dan am bagi tindakan ini (lihat perenggan 10).

[English summary

This is an appeal by the appellant/plaintiff against the decision of the assistant registrar on 29 September 2005 whereby she dismissed with costs an application for summary judgment. In this action, the plaintiff claimed against the defendant damages for gross-negligence as it named Peggy Mavis Moreira as a first appellant in an appeal to the court of appeal against the decision of the Ipoh high court. As a result of that, the case was dismissed as the court decided that the notice of appeal was defective and this caused the plaintiff to fail in their counter claim for title in the said land. The plaintiff submitted that the application for summary judgment ought to be allowed as there was negligence on the part of defendant when filing the notice of appeal under the name of Peggy and Sinama a/p Ramasamy even though the defendant was never at any time appointed by Peggy to file the said notice of appeal. The plaintiff referred to the written grounds of judgment of the court of appeal stating that the appeal was dismissed as the notice of appeal was defective. The defendant stated that Peggy initially agreed to be named and also agreed for the filing of the appeal to the court of appeal. It was only after the notice of appeal was filed, Peggy was said to have changed her mind. As a result the defendant filed a notice of motion to amend the notice of appeal on 23 March 1998 to remove the name Peggy as a party to the said appeal. Even though the application was never decided, the court strike out the appeal on the ground that the appeal filed was without the consent of Peggy.

Held, dismissing the application:

(1) The claim by the plaintiff in this action for damages on grounds of the defendant's gross negligence is not appropriate to be decided only through summary judgment. All the authorities submitted did not show clearly that the action by the defendant in including the name of the said Peggy Mavis Moreira was an act of gross negligence. It is true what was submitted by the defendant,

whether a solicitor is guilty of professional gross negligence depends on the circumstances of a particular case. It is a question of fact whereby it can only be decided through witnesses' oral testimony in a full trial (see para 9).

(2) In the court of appeal's written judgment, it was not stated that the action by the defendant in failing to file the notice of appeal is an act of gross negligence as alleged by the plaintiff. What was said was that the appeal was dismissed as the notice of appeal filed was defective. And it is a decision based on technicalities without touching on the merits of the case. Moreover, the damages claimed by the plaintiff is unascertainable. This is because even if the appeal proceeded, the decision on the said appeal may not necessarily be in favour of the plaintiff. Hence it is unreasonable that the plaintiff state that she has suffered special general damages in this action (see para 10).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai tuntutan kerana pelanggaran kewajipan berjaga-jaga dan kecuaian terhadap firma guaman, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 6258.

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Leong Pow Kue & Ors v Gan Kim Sing [1998] 7 MLJ 141 (dirujuk)
Gunung Bayu Sdn Bhd v Syarikat Pembinaan Perlis Sdn Bhd [1987] 2 MLJ 332 (dirujuk)
Loh Chow Sang & Anor v Meru Valley Resort Bhd [2002] 2 MLJ 666 (dirujuk)
Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281 (dirujuk)
Pertubuhan Keselamatan Sosial v Chin Chee Kuang & 2 Ors [1991] 3 CLJ 2183 (dirujuk)
Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd v Lim Kean Siew & Ors [2000] 6 MLJ 670 (distd)
UOL Credit Sdn Bhd v Zainudin bin Rahman [2000] 4 AMR 4830 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah mahkamah Tinggi 1980 A 14

RSN Rayer (R Nethaji Rayer & Co) bagi pihak plaintif.
Dato' PC Low (Blanche & Kayveas) bagi pihak defendan.

Abd Halim Aman PK:

[1] Ini adalah merupakan rayuan yang telah dikemukakan oleh pihak perayu/plaintif terhadap keputusan yang telah dicapai oleh penolong kanan pendaftar pada tarikh 29 September 2005 yang mana di dalam keputusannya telah menolak dengan kos permohonan bagi mendapat satu perintah penghakiman terus.

[2] Pihak-pihak telah diarahkan untuk hadir di mahkamah ini bagi pendengaran rayuan ini pada tarikh 15 Disember 2005. Walaupun hujah secara lisan telah disampaikan, namun pihak-pihak juga telah turut memfailkan penghujahan bertulis masing-masing dengan disertakan ikatan otoritinya.

[3] Kedudukan undang-undang di dalam penentuan permohonan sedemikian rupa adalah jelas diputuskan didalam banyak kes. Contohnya di dalam kes *Pertubuhan Keselamatan Sosial v Chin Chee Kuang & 2 Ors* [1991] 3 CLJ 2183 diputuskan:

> It is clear that the provision for summary judgment under O 14 is intended to apply to cases which are virtually uncontested or uncontestable.

[4] Secara ringkasnya di dalam tindakan ini, pihak plaintif telah menuntut gantirugi diatas kerugian (gross-negligence) defendan kerana telah menamakan Peggy Mavis Moreira sebagai perayu pertama di dalam tindakan rayuan ke mahkamah rayuan diatas keputusan mahkamah Tinggi Ipoh. Akibat daripada itu, kes telah dibatalkan disebabkan yang notis rayuan itu diputuskan sebagai 'defective' oleh mahkamah dan ini telah menyebabkan pihak plaintif telah gagal di dalam tuntutan balas hakmilik kepada hartanah-hartanah tersebut.

[5] Pihak plaintif telah menghuj ahkan bahawa permohonan bagi penghakiman terus ini patut dibenarkan oleh kerana terdapatnya kecuaian defendan semasa memfailkan notis rayuan di atas nama Peggy dan Sinama a/p Ramasamy walaupun defendan dikatakan tidak pada bila-bila masa dilantik oleh Peggy untuk memfailkan notis rayuan tersebut. plaintif merujuk kepada alasan penghakiman bertulis mahkamah rayuan yang menyatakan bahawa alasan rayuan ditolak adalah kerana notis rayuan adalah defektif.

[6] Plaintif juga merujuk kepada kes *Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd v Lim Kean Siew & Ors* [2000] 6 MLJ 670 yang mana Mahkamah Agong di dalam kes ini dengan jelasnya telah membenarkan penghakiman terus di bawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di atas alasan rekod rayuan difailkan lewat. Dalam kes ini, plaintif telah mengambil tindakan diatas pemecahan kewajipan berhati-hati (breach the duty of care).

[7] Walau bagaimana pun telahan ini disangkal oleh defendan sepenuhnya. Ini kerana menurutnya, Peggy telah pada awalnya bersetuju untuk dinamakan dan juga bersetuju untuk memfailkan rayuan ke mahkamah rayuan. Hanya setelah notis rayuan difailkan, Peggy dikatakan menukar fikirannya. Oleh yang demikian, defendan telah memfaiikan notis usul untuk meminda notis rayuan pada 23 Mac 1998 (eksh DBO-3) di KM (20) untuk mengeluarkan nama Peggy sebagai pihak dalam tindakan rayuan tersebut. Namun, belum pun sempat permohonan diputuskan, mahkamah telah membatalkan rayuan diatas alasan rayuan yang difailkan itu tidak mendapat persetujuan daripada Peggy. Satu perkara yang diperhatikan di sini terhadap affidavit di KM (20) ini, nampaknya apa yang diplidkan oleh pihak defendan khususnya pernyataan-pernyataan di perenggan 2, 3, 4, 5, 6 dan 7 tidak dicabar oleh plaintif. Tiada juga apa-apa affidavit menentang difailkan.

[8] Berkenaan kes *Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd v Lim Kean Siew & Ors* [2000] 6 MLJ 670, defendan menj awab bahawa kes tersebut adalah tidak relevan. Ini kerana permohonan untuk penghakiman terus dibenarkan di dalam kes itu disebabkan

A tindakan peguamcara tersebut tidak memfailkan permohonan untuk masukkan rekod rayuan diluar masa dan ianya tidak disumbangkan oleh anak guam. Dalam kes dihadapan kita hari ini, notis rayuan telah difailkan setelah mendapat persetujuan dari Peggy dan hanya selepas notis rayuan difailkan beliau dikatakan telah menukar fikiran.

B

[9] Dalam hal ini, setelah saya menimbangkan hujahan yang dikemukakan dan meneliti kepada pliding serta isu-isu yang digariskan, mahkamah berpendapat bahawa tuntutan oleh plaintif dalam tindakan ini untuk gantirugi atas 'gross negligence' defendan tidak wajar diputuskan hanya melalui permohonan penghakiman terus. Ini kerana segala otoriti yang dikemukakan tidak menunjukkan C dengan jelas bahawa tindakan defendan memasukkan nama Peggy Mavis Moreira tersebut adalah satu perbuatan 'gross negligence'. Seperti benar yang dihujahkan oleh pihak defendan, iaitu samada seorang peguamcara bertanggungan kecuaian profesional yang terlampau bergantung kepada keadaan sesuatu kes. Itu adalah sesuatu penentuan soalan fakta yang mana ianya hanya boleh ditentukan melalui D keterangan saksi-saksi secara lisan di mahkamah terbuka. Dan wajar juga diteliti keputusan kes *Dato' Leong Pow Kue & Ors v Gan Kim Sing* [1998] 7 MLJ 141 bilamana mahkamah menyatakan:

> But a word of caution, not all facts would constitute negligence. Thus, it is a correct proposition of the law to say that a solicitor is not guilty of negligence if he merely acted E on his client's instructions in the reasonable belief as to its correctness.

[10] Untuk menentukan samada tindakan tersebut adalah suatu yang 'gross negligence', maka ianya perlulah diputuskan melalui perbicaraan penuh yang mana saksi-saksi perlulah dipanggil. Malahan, dalam penghakiman bertulis dari F Mahkamah Rayuan tersebut juga tidak menyatakan bahawa tindakan defendan memfailkan notis rayuan tersebut adalah suatu perbuatan 'gross negligence' seperti yang didakwa oleh plaintif. Apa yang dinyatakan cuma rayuan dibatalkan kerana notis rayuan yang difailkan adalah 'defective'. Dan ianya diputuskan bersandarkan soal 'technicalities', dengan tanpa menyentuh dari segi merit kes. Tambahan lagi, G gantirugi yang dituntut oleh plaintif adalah sesuatu yang tidak dapat ditentukan. Ini kerana walaupun rahuan diteruskan, keputusan diatas rayuan tersebut belum pastinya berpihak kepada plaintif. Maka adalah tidak munasabah untuk plaintif menyatakan bahawa beliau mengalami kerugian khas dan am bagi tindakan ini. Dalam kes *UOL Credit Sdn Bhd v Zainudin bin Rahman* [2000] 4 AMR 4830 memutuskan:

H

> Hence a plaintiff would be entitled to obtain a summary judgment without trial if he is able to prove his case clearly. This would mean that the plaintiff has to establish a prima facie case against the defendant, before the court can determine as to whether the defendant has a defence or has raised an issue against the claim.

I

[11] Dengan menggunapakai prinsip kes di atas, mahkamah memutuskan bahawa plaintif telah gagal membuktikan bahawa beliau mempunyai suatu kes yang prima facie terhadap defendan dan untuk menentukan perkara sedemikian, perbicaraan penuh perlulah dijalankan bagi memastikan keadilan bagi kedua-dua belah pihak. Seperti di dalam kes *Loh Chow Sang & Anor v Meru Valley Resort Bhd* [2002] 2 MLJ

666 di ms 672 memetik kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281, Mahkamah Rayuan (di ms 289) memutuskan:

> It is important to bear in mind that O 14 is a summary judgment procedure and not a summary trial procedure.

[12] Mahkamah juga bersetuju dengan hujahan pihak defendan berkenaan dengan kes *Tan Ah Chim & Sons Sdn Bhd v Lim Kean Siew & Ors* [2000] 6 MLJ 670. Ini kerana di dalam kes tersebut kecuaian yang dilakukan adalah sesuatu tindakan yang disumbangkan semata-mata oleh peguamcara tersebut dengan lewat memfailkan notis rayuan. Ternyata, kes tersebut tidak boleh diguna pakai di dalam kes ini kerana tiada bukti jelas bahawa perbuatan defendan adalah suatu perbuatan yang ditakrif sebagai 'gross negligence' yang membolehkan plaintif menuntut gantimgi atas kecuaian tersebut. Tetapi di dalam kes dihadapan kita, pihak plaintif mengetahui hakikat dan memainkan peranan juga untuk membawa Peggy bersetuju dilantik sebagai co-perayu semasa notis rayuan difailkan. Hanya selepas notis rayuan difailkan dengan nama Peggy sebagai co-perayu, Peggy menukar fikirannya.

[13] Di dalam keadaan sedemikian, jelaslah pihak plaintif telah gagal membuktikan secara prima facienya wujud 'gross negligence' oleh pihak defendan ini. Dengan demikian pihak defendan tidak sepatutnya disekat daripada membuktikan kesnya di mahkamah terbuka. Di dalam kes *Gunung Bayu Sdn Bhd v Syarikat Pembinaan Perlis Sdn Bhd* [1987] 2 MLJ 332 diputuskan:

> it is trite law that leave to defend must be given unless... there is no dispute as to facts or law...

[14] Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat bahawa permohonan plaintif untuk penghakiman terus seharusnya ditolak dengan kos. Kes ini adalah sesuatu yang mana isu-isu yang berbalah itu adalah bergantung pada keterangan-keterangan saksi dan bukan kepada undang-undang semata.

Permohonan ditolak.

Reported by Sally Kee